

Nurul Izzah minta peserta jangan bawa anak-anak kecil
Malaysian Insider
June 22, 2013
Oleh Wartawan The Malaysian Insider

Penganjur perhimpunan Black 505 bimbang polis akan bertindak ganas menggunakan gas pemedih mata.

Naib Presiden PKR Nurul Izzah Anwar (gambar) memberitahu lebih kurang 300 hadirin di Brickfields agar "meninggalkan anak-anak mereka."

Terdapat hadirin yang membawa anak-anak mereka menghadiri perhimpunan.

"Ini adalah kerana kami berhadapan dengan dua cabaran. Pertama adalah kemungkinan penggunaan gas pemedih mata dan satu lagi adalah jerebu.

"Jadi jika boleh, jangan bawa mereka," beliau memberitahu hadirin yang bersedia untuk berarak ke Padang Merbok.

Nurul turut meminta penyokong Black 505 untuk bekerjasama dengan polis dan tidak memprovokasi mereka.

"Kenyataan CPO tidak berasas," kata beliau disambut dengan sorakan orang ramai merujuk kepada kenyataan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Saleeh malam tadi. - 22 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nurul-izzah-minta-peserta-jangan-bawa-anak-anak-kecil/>